



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/04/65 (HQ)

TUKAR NAMA PEMILIK AKAUN UNTUK ELAK TANGGUNG HUTANG BIL ELEKTRIK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan pemilik premis untuk menukar nama pemilik akaun (Peguna Berdaftar) kepada nama penyewa premis melalui proses Change of Tenancy (COT) agar penyewa bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bil elektrik.

Dengan melakukan pertukaran nama akaun, pemilik premis dapat mengelak daripada menanggung tunggakan bil elektrik yang ditinggalkan penyewa, sekiranya berlaku.

Permohonan pertukaran nama perlu dilaksanakan oleh penyewa premis yang akan menandatangani kontrak baharu dengan TNB. Urusan pertukaran nama ini boleh dilakukan melalui portal myTNB (www.mytnb.com.my) atau dengan mengunjungi Kedai Tenaga yang berdekatan. Langkah-langkah dan dokumen sokongan yang diperlukan bagi tujuan permohonan pertukaran nama boleh diperolehi di portal myTNB.

Sekiranya penyewa telah berhenti menyewa premis, pemilik boleh menukar nama pemegang akaun kepada penyewa baharu atau kembali ke nama pemilik asal, sekiranya tidak menyewakan lagi premis tersebut. Walau bagaimanapun, apabila berlaku pertukaran nama Pengguna Berdaftar daripada pemilik premis kepada penyewa, sebarang permohonan pemotongan bekalan bagi tujuan menamatkan akaun dengan TNB hanya akan diterima daripada pengguna berdaftar sahaja.

TNB turut menyediakan satu lagi perkhidmatan agar pemilik premis dapat memantau corak penggunaan dan pembayaran bil bulanan penyewa dengan lebih mudah menerusi portal dan aplikasi myTNB.

Ini membolehkan mereka memastikan pembayaran bil sentiasa dibuat oleh penyewa, selain mengambil langkah-langkah lain bagi mengelakkan dibebani masalah penyewa yang culas membayar.

Untuk pertanyaan berkenaan perkhidmatan TNB, pengguna boleh menghubungi TNB CareLine di 1300-88-5454, email ke tnbcareline@tnb.com.my atau menerusi Facebook TNB CareLine.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 April 2021, jam 1:30 petang
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my*